

TALKING POINTS KETUA PENGARAH

TAJUK : SESI MOH NGOPI BERSAMA YBHG. DATO' KETUA
PENGARAH
TARIKH : 3 MAC 2023 (JUMAAT)
MASA : 9.00 MALAM
TEMPAT : VIEW MEETING ROOM 1, ARAS 6, HOTEL BEST
WESTERN i-CITY, SHAH ALAM, SELANGOR

SALUTASI:

ENCIK ZULKIFLI BIN HASHIM

TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI);

ENCIK MOHD FARDHI BIN AHMAD

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN);

BARISAN MODERATOR TERPILIH; DAN

**PARA PESERTA YANG DIWAKILI OLEH PENGARAH-PENGARAH
BAHAGIAN IBU PEJABAT DAN PENGARAH-PENGARAH PERPADUAN
NEGERI (PPN) SERTA TIMBALAN PPN (SELANGOR, PERAK DAN
SARAWAK).**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,
Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

- 1) Bengkel Pengurusan Strategik Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Tahun 2023 ini merupakan **kesinambungan** kepada Bengkel Penetapan Petunjuk Prestasi Utama dan Perancangan Sasaran Kerja Utama Tahun 2023 yang diadakan pada 22 hingga 24 November 2022 di Pulau Pinang anjuran Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDP).
- 2) Acap kali kita mendengar mengenai Bengkel Perancangan Strategik. Namun, konsep dan objektif bengkel kita pada kali ini berbeza daripada biasa. Sesuai dengan nama, Bengkel Pengurusan Strategik **menuntut pemikiran reaktif tetapi rasional dan gerak kerja progresif tetapi realistik** ke arah menterjemah permasalahan dan cabaran kepada ***quick win, best practices and success stories***.

- 3) Sesi interaksi selama **3 hari 2 malam ini** yang sarat dengan pelbagai pengisian interaktif amat penting kepada **28 orang peserta bengkel**. Ini adalah peluang kepada **7 Pengarah Ibu Pejabat , 12 PPN dan 4 TPPN** untuk menyuarakan lambakan permasalahan sedia ada dan cabaran baharu di pejabat masing-masing sekali gus membentangkan idea dan *the way forward*. Seramai **5 moderator** yang diketuai oleh TKPP akan mengendalikan slot latihan dalam kumpulan, merungkai persoalan mengikut **4 kluster** dan memandu semula hala tuju pengurusan dan pembangunan pejabat masing-masing ke laluan yang lebih terarah.
- 4) Oleh itu, kefahaman mengenai persekitaran pejabat, produktiviti dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan JPNIN baik di peringkat dalaman dan luaran adalah asas terpenting – iaitu di mana kita. Saya berharap semua peserta akan menggunakan bengkel sepenuhnya ini untuk **berbincang, menganalisa dan merancang semula tindakan penambahbaikan dan strategi penyelesaian** dengan penuh bijaksana.
- 5) Kita perlu bangkit daripada kemelut dan terus mencari titik kebersamaan khusus dalam memperkemaskan **dasar dan perundangan** yang lebih bersistematik, memperkukuhkan pengamalan **tadbir urus** yang lebih cekap dan berkesan, merangsang **pembangunan modal insan** yang berdaya saing, inovatif dan bersemangat patriotik selaras dengan perkembangan **inovasi dan teknologi** serta agenda Kerajaan, secara berterusan dan berfasa.
- 6) Suka juga saya maklumkan bahawa mutakhir ini Jabatan kita telah menjadi **tumpuan Agensi-Agensi Kerajaan, NGO, pihak swasta dan institusi pengajian tinggi** untuk menjalin kolaborasi strategik dalam pelaksanaan program-program perpaduan sejajar dengan keperluan dan aspirasi Kerajaan semasa dan rakyat. Sehubungan ini, saya menyeru agar **rangkaian kerjasama ini dapat disambut dan terus diperluaskan oleh PPN kita** termasuk di **peringkat kepimpinan KRT di akar umbi**.
- 7) Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan **tahniah dan syabas kepada semua PPN** di atas kejayaan dan komitmen dalam penganjuran **Program Harmoni dan Gerak Rahmah 2023: Jom Sihat sejak 17 hingga 28 Februari 2023 di seluruh negara**.

- 8) Di akhir bengkel ini, kita mungkin perlu mengubah cara kerja kita. Ia mungkin tidak mudah tetapi kita perlu cekat melaksanakannya demi *output* dan *outcome* yang dirancang untuk rakyat dan negara. Segala dapatan *quick win* perlu diselesaikan pada tahun semasa. Para peserta perlu ingat, anda adalah **ejen perubahan dan peneraju** yang membawa nama JPNIN sebagai entiti yang profesional, efisien dan diyakini dalam memperkasakan perpaduan, keharmonian dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat pelbagai latar belakang.

Disediakan oleh:

Bahagian Dasar dan Perancangan (BDP)

2.3.2023